

Nilai dagangan sektor agrikomoditi RM82 bilion

Eksport komoditi catat peningkatan berbanding tahun lalu

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Sektor agrikomoditi mencatatkan nilai dagangan RM82 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Agrikomoditi merujuk aktiviti pertanian di bawah Kementerian Perusahan Perladangan dan Komoditi merangkumi subsektor sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada serta kenaf.

Menteri Perusahan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali,

berkata pendapatan eksport produk komoditi bagi tempoh itu adalah RM63.7 bilion atau 14.2 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara.

Katanya, nilai eksport komoditi mengalami sedikit peningkatan, iaitu 4.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan nilai eksport produk agrikomoditi ini disebabkan oleh faktor peningkatan eksport produk utama seperti minyak sawit, oleokimia berasaskan sawit dan sarung tangan getah.

"Nilai eksport produk sawit meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada RM33 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Eksport produk getah turut meningkat sebanyak 18.3 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2020 dengan nilai eksport RM17.8 bilion," katanya ketika berucap pada majlis perhimpunan bulanan Kementerian bersempena



Peningkatan nilai eksport produk agrikomoditi ini disebabkan oleh faktor peningkatan eksport produk utama.

Mohd Khairuddin Aman Razali,
Menteri Perusahan Perladangan dan Komoditi

anugerah perkhidmatan cemerlang di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir dua Timbalan Menteri, Willie Mongin dan Datuk Seri Dr Wee Jee Seng.

Mohd Khairuddin turut berkongsi visi dan misi Kementerian yang baharu, iaitu untuk menjadikan Malaysia peneraju agrikomoditi yang berdaya saing dan lestari di pasaran global bagi kemakmuran bersama.

"Misi Kementerian pula ialah untuk meningkatkan daya saing global Malaysia menerusi produk agrikomoditi yang bernilai tinggi dan lestari.

"Pindaan ini dibuat selaras dengan perubahan nama Kementerian daripada Kementerian Industri Utama kepada Kementerian serta perubahan pucuk pimpinan yang baharu dan penguasaan terma agrikomoditi yang sudah mendapat pengesahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 9 Julai lalu," katanya.